



SEMBURAN kabus dilakukan di kawasan yang berisiko dengan jangkitan demam denggi. – GAMBAR HIASAN

Kes demam denggi naik 2,018 kes

PETALING JAYA – Jumlah kes demam denggi pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-51 tahun ini dari 18 hingga 24 Disember lalu meningkat 3.5 peratus iaitu 2,018 kes berbanding 1,950 kes pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, satu kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada minggu tersebut berbanding lima kematian pada minggu sebelumnya.

“Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan hingga kini adalah 64,078 kes, berbanding 25,794 kes bagi tempoh sama tahun lepas iaitu peningkatan sebanyak

148.4 peratus.

“Sebanyak 50 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan, berbanding 19 kematian bagi tempoh sama pada 2021.

“Sebanyak 58 lokaliti *hotspot* dilaporkan pada minggu ini, berbanding 55 lokaliti *hotspot* pada minggu sebelumnya dengan 32 daripadanya di Selangor, Sabah (16), Kuala Lumpur dan Putrajaya (enam), manakala empat lokaliti di Pulau Pinang,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, surveilan chikungunya pula merekodkan 16 kes pada ME ke-51 dengan 10 kes di Pulau Pinang, Perak dan Negeri Sembilan, masing-masing dengan dua

kes dan masing-masing satu kes di Selangor dan Pahang, menjadikan jumlah kumulatif kes chikungunya hingga kini adalah 801 kes.

“Bagi surveilan zika, sebanyak 2,181 sampel darah dan 18 sampel urin dilakukan saringan dan kesemuanya negatif,” katanya.

Noor Hisham turut menyarankan agar masyarakat melakukan aktiviti gotong-royong bagi memutuskan kitaran hidup nyamuk aedes, seterusnya menurunkan insiden jangkitan demam denggi.

Ujarnya, bagi kawasan dilanda banjir pula, sampah, barang lusuh dan barangan dihanyutkan hendaklah dilupuskan secara berhemah.